

**SOALAN LAZIM
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024**

URUSAN PERSARAAN DAN FAEDAH PERSARAAN

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
1.	Adakah pegawai yang memilih opsyen SSPA secara automatik bertukar kepada Skim KWSP?	Tidak. Pegawai yang berada di bawah Skim Pencen atau Skim KWSP akan kekal di bawah pilihan masing-masing tidak kira memilih atau menolak opsyen SSPA.
2.	Adakah SSPA menjaskan taraf berpencen dan umur persaraan wajib yang pegawai telah pilih?	Opsyen SSPA tidak menjaskan skim berpencen dan umur persaraan wajib yang telah dipilih. Bagi pegawai yang dilantik pada/selepas 1 Januari 2012, umur persaraan wajib masih kekal 60 tahun. Manakala, pegawai yang dilantik sebelum tarikh tersebut, umur persaraan wajib adalah kekal sepetimana yang telah dipilih seperti dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11/2011, Bil. 12/2011, dan Bil. 13/2011.
3.	Pegawai yang dilantik tetap dan memilih opsyen SSPA, namun masih belum disahkan dalam perkhidmatan, adakah mereka masih ditawarkan untuk memilih Skim Pencen atau Skim KWSP?	Ya, benar. Pegawai masih akan ditawarkan pilihan Skim Pencen atau KWSP. Namun, pegawai harus membuat pertimbangan sewajarnya kerana pilihan skim adalah muktamad.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
4.	Sekiranya saya tidak memilih opsyen SSPA, adakah saya akan dibersarakan di bawah seksyen 10(5)(b) seperti yang dinyatakan di dalam pekeliling perkhidmatan?	Tidak, kerana ia hanya merujuk kepada pegawai yang masih di bawah JKK dan SSB, selepas itu, tidak memilih opsyen SSPA.
5.	Sekiranya saya memilih opsyen SSPA dan ingin bersara pilihan, adakah bayaran pencen akan mula diterima pada usia 60 tahun?	Tidak. Walaupun pegawai memilih SSPA, bayaran pencen bagi pegawai yang bersara pilihan masih lagi kekal seawal usia 55 tahun bagi lantikan pada/selepas 12 April 1991
6.	Adakah formula pengiraan pencen, ganjaran dan Gantian Cuti Rehat (GCR) berubah apabila memilih opsyen SSPA?	Tidak. Formula yang digunakan masih sama seperti mana diperuntukkan dalam Peraturan- Peraturan Pencen 1980.
7.	Apabila pegawai memilih opsyen SSPA dan meninggal dunia, adakah waris tidak akan menerima pencen terbitan?	Tidak benar. Waris yang berkelayakan masih akan menerima pencen terbitan sekiranya pegawai/pesara meninggal dunia walaupun memilih atau menolak opsyen SSPA.
8.	Umur anak kepada penjawat awam bagi menerima kemudahan rawatan dan perubatan yang ditanggung oleh pihak kerajaan telah ditambah baik kelayakannya sehingga anak tersebut mencapai usia 26 tahun. Adakah perkara ini turut dipanjangkan kepada anak pesara?	Ya. Walaupun pesara tidak memilih opsyen SSPA, namun penambahbaikan ke atas umur bagi kemudahan ini turut dipanjangkan kepada anak pesara.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
9.	Bagaimana penyelarasan pencen yang bakal diperolehi oleh mereka yang telah bersara pada hari pengumuman iaitu pada 16 Ogos 2024?	Pegawai yang telah bersara pada atau sebelum 1 Disember 2024 turut menerima penyelarasan pencen berdasarkan peratus kenaikan gaji akhir secara berfasa.
10.	Adakah penerima pencen terbitan layak menerima penyelarasan pencen ini?	Ya. Penerima pencen terbitan juga layak menerima penyelarasan pencen ini sepertimana yang dinyatakan di dalam Akta Penyelarasan Pencen 1980 [Akta 238]
11.	Sekiranya pegawai telah memilih opsyen SSPA, namun meninggal dunia sebelum 1 Disember 2024 (Tarikh kuatkuasa), bagaimanakah pelaksanaan SSPA bagi kes sebegini?	Pegawai yang meninggal dunia sebelum tarikh kuatkuasa, mereka akan dikategorikan sebagai seorang pesara dan tanggungan yang layak akan menerima penyelarasan pencen.
12.	Sekiranya saya tidak memilih opsyen SSPA, adakah saya layak untuk menerima penyelarasan pencen apabila bersara pada tahun 2025?	Bagi Fasa 1, pegawai yang tidak memilih opsyen SSPA tidak akan menerima pelarasan gaji. Bagi tujuan pengiraan faedah persaraan pada tahun 2025, JPA akan menggunakan gaji akhir SSM. Pada Januari 2026, penyelarasan pencen Fasa 2 akan diberikan kepada pesara sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Penyelarasan Pencen 1980 [Akta 238].

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
13.	Selepas Fasa 2, adakah kenaikan pencen secara tahunan akan berlaku? Berapa peratus kenaikan tahunan akan dibuat?	Tidak, Berdasarkan keputusan mahkamah persekutuan pada 27 Jun 2023 tiada kenaikan pencen tahunan. Kenaikan pencen tahunan seterusnya akan dilaksanakan sekiranya terdapat semakan gaji penjawat awam.
14.	Adakah kenaikan 8% (Fasa 1) dan 7% (Fasa 2) dilaksanakan ke atas amaun pencen atau gaji akhir pesara?	<p><u>BERSARA SEBELUM 1 JANUARI 2013</u></p> <p>Kenaikan 8% bagi Fasa 1 adalah berdasarkan gaji akhir bersamaan pada Disember 2012. Manakala, bagi Fasa 2, kenaikan 7% adalah berdasarkan gaji akhir bersamaan pada Disember 2024.</p> <p><u>BERSARA PADA / SELEPAS 1 JANUARI 2013</u></p> <p>Kenaikan 8% bagi Fasa 1 adalah berdasarkan gaji akhir. Manakala, bagi Fasa 2, kenaikan 7% adalah berdasarkan gaji akhir bersamaan pada Disember 2024.</p>
15.	Apakah beza gaji akhir dan gaji akhir bersamaan?	Gaji akhir adalah gaji yang diterima sebelum pegawai bersara, manakala gaji akhir bersamaan adalah gaji akhir yang telah dibuat pelarasan gaji berdasarkan Akta Penyelarasian Pencen 1980 [Akta 238].
16.	Sekiranya saya bersara bulan Mac 2025 adakah saya layak dapat penyelarasan pencen Fasa 2?	Bagi pegawai yang bersara pada 2 Disember 2024 hingga 31 Disember 2025 layak menerima penyelarasan pencen Fasa 2.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
17.	Saya merupakan seorang pesara dan penerima pencen terbitan. Adakah pencen yang diterima akan diselaraskan kedua-duanya?	Ya, pencen dan pencen terbitan akan diselaraskan.
18.	Maklum balas berkaitan gaji akhir diproratakan sebelum menerima penyelarasan pencen	<p>Penyelarasan pencen berdasarkan pelarasangan gaji Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dibuat dengan merujuk kepada Akta Penyelarasang Pencen 1980 [Akta 238].</p> <p>Formula pengiraan bagi penyelarasang pencen adalah dengan merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pencen 1980 iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • $1/600 \times \text{gaji akhir/gaji akhir bersamaan} \times \text{tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira (tertakluk kepada maksimum 360 bulan)}.$ • Aduan bahawa gaji akhir bagi penyelarasang pencen perlu diproratakan terlebih dahulu mengikut tarikh lahir adalah tidak benar kerana pencen secara <i>prorate</i> hanya dilaksanakan untuk pencen permulaan sahaja. • Oleh yang demikian, sekiranya seseorang pesara mempunyai tarikh lahir 2 haribulan,

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		<p style="color: blue;">15 haribulan atau 30 haribulan, ia tidak akan menjelaskan kiraan penyelarasan pencen pesara tersebut.</p>
19.	<p>Adakah penerima pencen turut menerima penyelarasan pencen susulan pengumuman Y.A.B Perdana Menteri pada 16 Ogos 2024 berhubung Sistem Saraan berkaitan pelarasan gaji penjawat awam melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)?</p>	<p>Berdasarkan pengumuman Y.A.B. Perdana Menteri pada 16 Ogos 2024 berhubung Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA), penyelarasan pencen turut akan diberikan berdasarkan pelarasan ke atas gaji akhir pesara mulai 1 Disember 2024 sejajar dengan pelarasan gaji bagi penjawat awam yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Malaysia.</p> <p>Pemberian pelarasan gaji ini dilaksanakan secara berfasa iaitu pada 1 Disember 2024 bagi Fasa 1 dan pada 1 Januari 2026 bagi Fasa 2.</p> <p>Fasa 1</p> <p>Kumpulan Pengurusan Tertinggi : 4% Kumpulan Pelaksana dan Pengurusan & Profesional: Gaji Akhir > RM 3000: 8% Gaji Akhir < RM 3000: RM240</p> <p>Fasa 2</p> <p>Kumpulan Pengurusan Tertinggi : 3%</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		Kumpulan Pelaksana dan Pengurusan & Profesional: 7%.
20.	Bagaimana kaedah pengiraan penyelarasan pencen SSPA Fasa 1 dilaksanakan?	<p><u>LANGKAH 1</u></p> <p>Dapatkan amaun Gaji Akhir Bersamaan 2024 terlebih dahulu. Kaedah mendapatkan amaun Gaji Akhir Bersamaan 2024 mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut:</p> <p>i. Kumpulan Pelaksana dan Pengurusan & Profesional:</p> <p>a) Jika amaun Gaji Akhir/Bersamaan melebihi RM3,000</p> <p style="text-align: center;">Gaji Akhir/Bersamaan + (Gaji Akhir/Bersamaan x 8%) atau</p> <p>b) Jika amaun Gaji Akhir/Bersamaan kurang daripada RM3,000</p> <p style="text-align: center;">Gaji Akhir/Bersamaan + RM240</p> <p>ii. Kumpulan Pengurusan Tertinggi:</p> <p style="text-align: center;">Gaji Akhir/Bersamaan + (Gaji Akhir/Bersamaan x 4%)</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		<p><u>LANGKAH 2</u></p> <p>Masukkan amaun Gaji Akhir Bersamaan 2024 ke dalam formula berikut:</p> $[1/600 \times \text{tempoh perkhidmatan}^* \times \text{Gaji akhir bersamaan 2024}] + \text{PKKP}^{**}$ <p><u>Perhatian:</u></p> <p>*Jika tempoh perkhidmatan melebih 30 tahun, pencen tertakluk 3/5 atau 60% daripada gaji akhir bersamaan 2024. Jumlah tempoh perkhidmatan boleh didapati daripada aplikasi MyPesara.</p> <p>** Amaun PKKP boleh diperolehi daripada aplikasi MyPesara.</p>
21.	Apakah yang dimaksudkan dengan Gaji Akhir atau Gaji Akhir Bersamaan, Tempoh perkhidmatan dan PKKP yang digunakan bagi pengiraan penyelarasan pencen Fasa 1 dan Fasa 2?	<p><u>GAJI AKHIR/BERSAMAAN</u></p> <p>Gaji akhir bagi penyelarasan Pencen Fasa 1 adalah merujuk kepada gaji bersamaan tahun 2012 atau gaji akhir semasa pegawai bersara mulai 1 Januari 2013 hingga 1 Disember 2024.</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		<p>ii. Manakala, gaji akhir bagi penyelarasan Pencen Fasa 2 merujuk kepada gaji bersamaan tahun 2024 atau gaji akhir pegawai bersara mulai 2 Disember 2024 sehingga 1 Januari 2026.</p> <p>iii. Perbezaan antara Gaji Akhir dan Gaji Akhir Bersamaan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Gaji akhir adalah gaji yang diterima sebelum pegawai bersara. b. Gaji akhir bersamaan adalah gaji akhir yang telah dibuat pelarasan gaji berdasarkan Akta Penyelarasan Pencen 1980 [Akta 238] <p>TEMPOH PERKHIDMATAN</p> <p>Tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira untuk pengiraan faedah persaraan, diambil mulai tarikh Lantikan Tetap / Sementara hingga tarikh sehari sebelum tarikh bersara.</p> <p>JUMLAH PEMBERIAN KHAS KEPADA PESARA (PKKP)</p> <p>Pemberian Khas Kepada Pesara (PKKP) adalah inisiatif Kerajaan untuk mengharmonikan pelaksanaan keputusan Mahkamah Persekutuan</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		<p>pada 27 Jun 2023 bagi memelihara kebajikan pesara.</p> <p>PKKP merupakan pembayaran perbezaan amaun pencen semasa dengan amaun pencen asal bagi menjadikan amaun yang diterima oleh pesara setiap bulan, sama seperti amaun pencen semasa.</p> <p>PKKP hanya terpakai bagi persaraan pada atau sebelum 31 Disember 2022 sahaja dan tertakluk kepada keputusan dan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa.</p>
22.	Bagaimanakah pesara / penerima pencen boleh mendapatkan maklumat berkaitan Gaji Akhir Bersamaan 2024, Jumlah Tempoh Perkhidmatan dan Amaun PKKP yang telah diterima?	Pesara /Penerima pencen boleh mendapatkan maklumat berkaitan Gaji Akhir Bersamaan 2024, Jumlah Tempoh Perkhidmatan dan Amaun PKKP melalui aplikasi mudah alih MyPesara atau portal MyPesara.
23.	Apakah kategori Pesara/ Penerima yang LAYAK diberi penyelarasan pencen SSPA?	<p>Pesara/ Penerima pencen yang LAYAK menerima penyelarasan pencen adalah pesara / penerima pencen yang sedang menerima:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Faedah Pencen; ii. Faedah Pencen Terbitan; iii. Faedah Pencen Hilang Upaya; iv. Faedah Pencen Tanggungan; v. Faedah Elaun Bersara; dan

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		<p>vi. Faedah Elaun Bersara Terbitan.</p>
24.	<p>Siapakah Pesara/ Penerima yang TIDAK LAYAK diberikan penyelarasan pencen SSPA?</p>	<p>Pesara/ Penerima pencen yang TIDAK LAYAK diberikan penyelarasan pencen berdasarkan SSPA adalah seperti berikut:</p> <p>FASA 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ahli Parlimen atau Anggota Pentadbiran; ii. Setiausaha Politik; iii. Hakim; iv. Pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun yang Diasingkan Saraan (BBDS); v. Penerima Pencen Orang Tanggungan/ Pencen Angkatan Tetap (POTPAT); vi. Penerima Bayaran Ex-Gratia Bencana Kerja di bawah 1PP: WP6.3 - Pengurusan Wang Awam, Ex-Gratia Terbitan PP 17/ 2008 dan Ex- Gratia Kematian Sekaligus PP 11/2019 sahaja; vii. Pesara yang tarikh persaraannya pada 02 Disember 2024 dan selepasnya; dan viii. Pesara mahupun penerima pencen terbitan yang meninggal dunia pada atau sebelum 30 November 2024 dan tiada lagi tanggungan yang layak terima pencen.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		<p>FASA 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ahli Parlimen atau Anggota Pentadbiran ii. Setiausaha Politik iii. Hakim iv. Pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun yang Diasingkan Saraan (BBDS) v. Penerima Pencen Orang Tanggungan/ Pencen Angkatan Tetap (POTPAT) vi. Penerima Bayaran Ex-Gratia Bencana Kerja di bawah 1PP: WP6.3 - Pengurusan Wang Awam, Ex-Gratia Terbitan PP 17/ 2008 dan Ex- Gratia Kematian Sekaligus PP 11/2019 sahaja; vii. Pesara yang tarikh persaraannya pada 2 Januari 2026 dan selepasnya; dan viii. Pesara mahupun penerima pencen terbitan yang meninggal dunia pada atau sebelum 1 Januari 2026 dan tiada lagi tanggungan yang layak terima pencen.
25.	Bagaimanakah pesara/ penerima pencen boleh membuat semakan dan pengiraan sendiri amaun pencen baharu?	Jumlah pencen yang baharu boleh disemak melalui penyata pencen bulanan mulai 17 Disember 2024 melalui aplikasi mudah alih MyPesara atau laman portal MyPesara (https://portalmypesara.kwap.my/) untuk mendapatkan panduan pengiraan anggaran amaun pencen baharu.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
26.	<p>Jika ada sebarang kemosykilan berkenaan pelaksanaan SSPA secara keseluruhan, bagaimana pesara dan penjawat awam boleh salurkan kemosykilan berkenaan?</p>	<p>Sebarang kemosykilan berkenaan pelaksanaan SSPA secara keseluruhan, pesara dan penjawat awam boleh menyalurkan pertanyaan ke laman portal SSPA di pautan borang maklum balas SSPA.</p>